



www.amnesty.my

MALAYSIA

Malaysia

Kerajaan terus menggunakan undang-undang sedia ada untuk menyiapkan perbezaan pendapat dan memperkenalkan pindaan undang-undang yang lebih menyekat kebebasan bersuara. Pelarian dan migran ditahan tanpa had tempoh tertentu. Hukuman mati berkurangan selepas hukuman mati dibuat mengikut kuasa budi bicara tetapi ia terus dikenakan untuk kesalahan berkaitan dadah. Tuduhan penyeksaan dan layanan buruk lain berterusan di depot tahanan imigresen, demikian juga laporan kematian dalam tahanan.

KEBEASAN BERSUARA

Kerajaan secara tidak munasabah meluaskan undang-undang yang menyekat kebebasan bersuara, mengumumkan bahawa ia tidak akan meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, mahupun meminda atau memansuhkan Akta Hasutan. Pada bulan Disember, kerajaan dengan tergesa-gesa melakukan pindaan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia (CMA) yang meningkatkan sekatan ke atas kebebasan bersuara, dan bukannya menghapuskannya. Sebelum ini, kerajaan dalam kempen pilihan raya umum tahun 2022 telah berjanji bahawa semua undang-undang ini akan disemak. Pihak berkuasa terus menggunakan undang-undang yang menindas, termasuk CMA dan Akta Hasutan, untuk menyiapkan suara-suara yang mengkritik.¹

Pada bulan Januari, kedua-dua pengarah dan penerbit filem Mentega Terbang yang telah diharamkan didakwa di bawah Kanun Keseksyen kerana dituduh "melukai perasaan keagamaan". Semakan kehakiman mereka terhadap pengharaman filem itu oleh kerajaan masih belum selesai pada akhir tahun.

Pada bulan Jun, pembela hak asasi manusia Mukmin Nantang telah ditangkap kerana menghasut selepas menimbulkan kebimbangan mengenai pengusiran masyarakat Bajau Laut. Beliau masih dalam siasatan walaupun telah dibebaskan.²

Pada bulan Disember, artis Fahmi Reza telah ditangkap kerana menghasut dan direman sehari berhubung karikatur gabenor Sabah yang baru dilantik, Musa Aman, yang sebelum ini menghadapi tuduhan rasuah.

Kerajaan terus menyekat kandungan media sosial dengan mengeluarkan "permintaan turunkan kandungan" kepada platform media sosial. Pihak berkuasa meluluskan langkah baharu, memperkenalkan Rang Undang-Undang Keselamatan Dalam Talian, sebahagiannya untuk menangani buli siber, tetapi perubahan ini menimbulkan kebimbangan mengenai penapisan masa hadapan.³ Pada bulan Disember, kumpulan hak asasi manusia mengecam kerajaan kerana mempercepatkan pindaan kepada CMA yang meluaskan kuasa untuk mengawal selia kandungan secara sewenang-wenangnya.⁴



KEBEBASAN PERHIMPUNAN AMAN

Pihak berkuasa terus menggunakan Akta Perhimpunan Aman (PAA), Kanun Keseksaan dan Akta Kesalahan Kecil untuk menyekat protes secara aman. Penganjur dan peserta tertakluk kepada siasatan yang tidak perlu, penahanan dan penggunaan kekerasan.

Walaupun kerajaan menyokong hak rakyat Palestin, polis menyiasat penunjuk perasaan dan penganjur pro-Palestin di bawah PAA. Pada bulan Oktober, polis menahan tujuh penunjuk perasaan pro-Palestin berhampiran kedutaan Amerika Syarikat. Masyarakat civil mengutuk ini sebagai penyalahgunaan PAA yang membimbangkan yang menjelaskan hak untuk berhimpun secara aman dan kebebasan bersuara.⁵

Pada bulan Mac, empat penganjur dan peserta Women's March Malaysia telah disoal siasat oleh polis berikutan protes yang dianjurkan sempena Hari Wanita Antarabangsa. Mereka disiasat di bawah kedua-dua PAA dan Akta Kesalahan Kecil, walaupun telah menyerahkan notis awal kepada polis untuk perhimpunan itu.

Pada bulan Jun, kerajaan Sabah menahan lapan pelajar Orang Asal Bajau Laut tanpa kerakyatan, termasuk sekurang-kurangnya tiga orang kanak-kanak. Mereka ditahan selama tujuh hari di bawah Akta Imigresen berikutan protes aman di luar Pejabat Ketua Menteri.⁶

Pada bulan Julai, polis menggunakan kekerasan yang berlebihan untuk memintas penunjuk perasaan aman dari pertubuhan hak asasi manusia tempatan Teoh Beng Hock Association for Democratic Advancement semasa perarakan mereka menuntut keadilan bagi mangsa kematian dalam tahanan. Kumpulan itu kemudiannya memfailkan aduan kepada Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC).

HUKUMAN MATI

Menurut angka rasmi, antara 1 Januari dan 14 Oktober, Mahkamah Persekutuan meringankan 814 hukuman mati mandatori kepada hukuman penjara 30 hingga 40 tahun dan sebatan. Pada tahun pertama selepas hukuman mati dibuat mengikut kuasa budi bicara oleh Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023, terdapat penurunan ketara dalam jumlah hukuman mati yang dikenakan atau disahkan semasa rayuan, mengurangkan bilangan hukuman mati sebanyak lebih dua pertiga.⁷ Bagaimanapun, mahkamah terus mengenakan hukuman mati bagi kesalahan berkaitan dadah, yang mana melanggar undang-undang dan piawaian antarabangsa.

Pada bulan Mac, kerajaan mengesahkan di Parlimen bahawa moratorium hukuman mati akan terus dipatuhi. Pada bulan Disember, kerajaan mengundi menyokong resolusi Perhimpunan Agung PBB yang menyeru kepada pelaksanaan moratorium hukuman mati sementara menunggu pemansuhan penuh hukuman mati.



SEKSAAN DAN LAIN-LAIN LAYANAN BURUK

Pada bulan Januari, kumpulan masyarakat sivil, termasuk Amnesty International, menggesa agar IPCC diberi lebih kuasa dan kebebasan untuk menangani salah laku polis dengan berkesan.⁸

Laporan kerajaan mendedahkan 24 kematian dalam tahanan yang direkodkan antara tahun 2022 dan 25 Mei 2024, semuanya secara rasmi dikaitkan dengan sebab perubatan. Selain itu terdapat juga 20 kematian di pusat tahanan imigresen antara bulan Januari dan bulan Jun.

Pada bulan September Perdana Menteri mengumumkan bahawa polis dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) akan menjalankan siasatan ke atas kecederaan dan kematian tahanan dalam tahanan polis.

Pada bulan Oktober, seorang tahanan di penjara Pokok Sena meninggal dunia akibat jangkitan kuman berikutan hukuman sebat yang dikenakan dan dilaksanakan selepas hukuman mati beliau diringankan.

HAK PELARIAN DAN MIGRAN

Pelarian dan migran menghadapi penahanan tanpa had tempoh tertentu dalam keadaan yang teruk. Pada bulan Mac, kerajaan manafikan laporan penyeksaan di depot tahanan imigresen. Juga, pada bulan Mac kerajaan membuka depot tahanan untuk kanak-kanak dan keluarga tanpa izin. Ini membawa kepada kebimbangan mengenai penahanan tanpa had tempoh tertentu kira-kira 170 orang kanak-kanak, tanpa rancangan untuk pembebasan mereka. Pada bulan Disember, pihak berkuasa melaporkan bahawa 17,326 orang ditahan di 25 depot tahanan. UNHCR, agensi pelarian PBB, tidak mempunyai akses ke depot tahanan di negara ini sejak tahun 2019.

Pada bulan Februari, 131 orang tahanan melarikan diri dari Pusat Tahanan Imigresen Bidor, mengakibatkan dua kematian. Pada bulan Oktober, laporan Suruhanjaya Integriti Agensi Pengawalaan mengesahkan penderaan teruk di Bidor.⁹

Pengusiran tahanan imigresen diteruskan, sesetengah daripada mereka mungkin berisiko berhadapan dengan pelanggaran hak asasi manusia terhadap diri mereka sekembalinya. Mahkamah Tinggi campur tangan untuk menghentikan pengusiran seorang ketua pembangkang warganegara Bangladesh dan seorang pembela hak asasi manusia warganegara Mesir. Bagaimanapun, pada bulan Oktober, seorang pembantu rumah telah dihantar pulang ke Cambodia selepas mereka mengkritik pemimpin kerajaan Cambodia.

Serbuan imigresen yang menyasarkan migran tanpa dokumen terus berleluasa.



HAK ORANG ASAL

Tanah dan mata pencarian Orang Asal masih terancam daripada perladangan kelapa sawit, pembalakan dan pembinaan empangan. Pada bulan Julai lalu, tujuh orang Orang Asli Temoq di Pahang menyaman sebuah ladang kelapa sawit kerana menceroboh tanah adat mereka. Pada bulan September, mahkamah menghentikan operasi syarikat kuasa hidro di tanah Orang Asli Semai di Perak kerana kekurangan persetujuan sewajarnya.

HAK KEPADA PERSEKITARAN YANG SIHAT

Pada bulan Jun, kerajaan mengumumkan rancangan untuk mengurangkan penggunaan arang batu kepada paling banyak 50% daripada jumlah pengeluaran tenaga menjelang tahun 2035 dan menghentikan perlombongan arang batu secara berperingkat sepenuhnya menjelang tahun 2044. Walau bagaimanapun, langkah ini bermakna negara akan lebih bergantung kepada gas asli sebagai bahan api peralihan yang mana berpotensi memanjangkan pergantungan kepada bahan api fosil.

1. [“Malaysia: Oral statement Item 6: Consideration of UPR reports: HRC 56th session”, 5 July](#)
2. [“Malaysia: Arrest of Bajau Laut human rights defender under the Sedition Act is a shameful attempt at suppressing peaceful Dissent”, 27 June](#)
3. [“Malaysia: Passage of the Online Safety Bill a grave blow to freedom of expression”, 12 December](#)
4. [“Malaysia: End Expansion of Repressive Laws Undermining Freedom of Expression and Civic Space”, 17 December](#)
5. [“Malaysia: Drop investigations into seven pro-Palestine protesters detained near the US Embassy”, 1 October](#)
6. [“Malaysia: Stop crackdown on Bajau Laut people”, 22 June](#)
7. [“Malaysia: One year since repeal of mandatory death penalty, violations of international Law and standards continue despite overall decrease in death sentences”, 4 July](#)
8. [“Joint Statement: Empower IPCC to remedy the public trust deficit in PDRM”, 22 January](#)
9. [“Malaysia: Urgent action needed to address EAIC’s findings of abuse in Bidor Temporary Immigration Detention Centre”, 16 October](#)